

Newspaper	Berita Harian
Date	20/08/2017

Abdullah Badawi contoh terbaik, tak pernah tikam UMNO

BH-20/8/2017
ps-7

➔ BN Pulau Pinang perlu lebih kuat,
rampas kembali pemerintahan negeri

Oleh M Hifzuddin Iksan
dan Siti Fatimah Mohamed
Anwar
bhnews@bh.com.my

► Tasek Gelugor

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai pemimpin contoh kerana tidak pernah menikam UMNO dan Barisan Nasional (BN) dari belakang, walaupun sudah tidak lagi mempunyai jawatan dalam parti.

Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden itu berkata, sebagai bekas Presiden UMNO, Abdullah juga tidak pernah memberikan kenyataan negatif mengenai parti dan sifat reda yang ada pada diri bekas Perdana Menteri itu

wajar dipuji.

"Kita tengok Pak Lah (Abdullah), beliau pernah jadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Beliau adalah contoh terbaik kepada kita kerana tidak pernah tikam UMNO dari belakang.

"Malah, Pak Lah juga tidak pernah memberi komen negatif terhadap kepemimpinan sedia ada pada ketika ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tasek Gelugor di sini semalam.

Yang Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman dan Ketua UMNO Bahagian Tasek Gelugor, Datuk Shahbudin Yahya.

Ahmad Zahid berkata, semua pemimpin dan ahli UMNO perlu men-



Ahmad Zahid hadir pada Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tasek Gelugor di Midtown PERDA, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, semalam.

contohi sikap Abdullah yang disifatkan walak atau mempunyai semangat kesetiaan yang tinggi.

"Orang baharu tidak pernah melupakan pemimpin lama tetapi pemimpin lama juga perlu sayang kepada orang baharu. Keadaan macam ini barulah betul," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid meminta BN Pulau Pinang keluar dari zon selesa dan menjadi pembangkang yang kuat bagi mengembalikan keyakinan pengundi.

BN, UMNO perlu jadi kuat

Katanya, penduduk belum merasa sifat BN Pulau Pinang sebagai pembangkang yang kuat yang menyebabkan 'serangan' berterusan kepada kerajaan negeri tidak dapat dilakukan.

Bagaimanapun, katanya, setiap serangan perlu mempunyai fakta,

Info

Usul UMNO Tasek Gelugor

➔ Menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Najib Razak sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri serta Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam merealisasikan agenda transformasi politik.

terutama membabitkan isu rakyat bagi memastikan BN berpotensi kembali memerintah negeri pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"UMNO dan BN perlu menjadi pembangkang yang kuat di negeri ini untuk kita rampas kembali Pulau Pinang, namun sifat kita sebagai pembangkang belum dapat dirasai rakyat Pulau Pinang.

"Ketika ini, Kerajaan DAP Pulau Pinang berhadapan dengan defisit kepercayaan kerana terpalit dengan pelbagai isu, termasuk siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan isu kilang haram dan seorang EXCO kerajaan negeri.

"Kita perlu guna peluang ini untuk menyerang, namun serangan perlu bersama fakta selain dibuat secara konsisten," katanya.